

Masyarakat luar bandar diutamakan, kata Dr M

BH 4 APR 1986

Oleh ZAINUDIN AYIP dan JAMUDIN IDRIS

KUALA TERENGGANU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan menunggu desakan dan rungutan rakyat untuk melaksanakan projek-projek pembangunan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin negara memerah otak untuk memikirkan projek baru dan bentuk bantuan yang boleh dinikmati oleh setiap lapisan rakyat seperti projek perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah.

"Apa yang pasti kerajaan mahu supaya setiap kaum diberi keutamaan dan tiada golongan atau kaum yang diketepikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika meletakkan batu asas projek rumah kos rendah dan sederhana Wakaf Tembesu, 24 kilometer dari sini petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak pernah bosan untuk membangun negara bagi kepentingan rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

Tetapi, katanya, masyarakat luar bandar dan miskin akan diberi keutamaan supaya mereka turut sama menikmati kemudahan seperti sekolah, klinik, bekalan air dan elektrik.

Dulu, katanya, banyak projek pembangunan dibuat di bandar, tapi kini rakyat lebih ramai mendiami luar bandar. "Untuk itu projek perumahan harus diutamakan supaya mereka hidup lebih selesa."

Dengan rumah yang selesa dan sempurna, rakyat berpendapatan rendah dapat hidup lebih terjamin dengan kemudahan moden yang disediakan, katanya.

Beliau berharap projek membina 80,000 unit rumah kos rendah akan memberi manfaat kepada semua orang termasuk mereka yang menganggur.

Dengan projek secara besar-besaran di seluruh negara itu, selain dapat menikmati tempat kediaman yang selesa, rakyat juga mendapat kerja.

"Ini perlu untuk mengatasi masalah ke-melesetan ekonomi dan pengangguran," ujarnya.

Beliau berkata, rakyat harus menghargai kerajaan kerana dapat mengekalkan negara dalam keadaan aman dan damai tanpa sebarang rusuhan.

Ini perlu supaya negara dapat membangun dan projek kerajaan dapat berjalan lancar dan mengikut jadual, ujarnya.

Perdana Menteri juga menyelar parti-parti pembangkang yang banyak bercakap, tetapi tidak menjalankan projek untuk kepentingan rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional, katanya sentiasa berusaha membekalkan rakyat dengan pelbagai kemudahan supaya rakyat terus hidup aman dan sempurna.

Perdana Menteri dan Datuk Seri Datin Paduka Siti Hasmah tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, dekat sini petang ini untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, Datuk Hajah Aishahton Suhaimi, anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Setia Wangsa dan ketua-ketua jabatan adalah antara 5,000 orang yang menyambut ketibaan mereka.